

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	4 APRIL 2015

Niat sebenar Dr Mahathir dipersoal

Kuala Lumpur: Pemimpin UMNO dan MCA semalam mempersoalkan kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang seolah-olah mahu mewujudkan prasangka baharu mengenai pengakuan Koperal Sirul Azhar Umar berhubung motif dan pihak bertanggungjawab mengarahkan pembunuhan wanita Mongolia, Altantuya Shariibu.

Ketua UMNO Bahagian Batu Pahat, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata kenyataan Dr Mahathir itu seolah-olah mahu mewujudkan prasangka bahawa ada bukti baharu dan cuba mengheret kembali Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ke dalam kes berkenaan.

"Dulu Dr Mahathir menghina Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi), apakah sekarang dia mahu menghina Najib," katanya kepada *BH*.

Mohd Puad berkata, sebarang usaha untuk mengaitkan kembali Najib ke dalam kes itu tidak seharusnya berlaku berikutan beliau sudah bersumpah di masjid menafikan pembabitannya dengan kes pembunuhan Altantuya.

Beliau berkata, tiada keperluan untuk sesiapa pun membuat sebarang spekulasi mengenai kes berkenaan memandangkan mahkamah sudah memutuskan pesalahnya dan



Dulu Dr Mahathir menghina Pak Lah, apakah sekarang dia mahu hina Najib"

Mohd Puad Zarkashi,
Ketup UMNO
Bahagian Batu Pahat

keputusan terbabit perlu dihormati.

Ketua Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan, Razlan Rafii, berkata kritikan berterusan Dr Mahathir terhadap kepemimpinan Najib dikhuatiri mencetuskan perpecahan dalam kalangan bangsa Melayu.

Katanya, sebagai anak muda, beliau amat sedih apabila kritikan itu dilakukan secara terbuka dan berterusan ketika kepemimpinan UMNO dilihat mulai bangkit untuk membina kekuatan parti.



Razlan Rafii

"Pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) memang ada pihak yang meramalkan Barisan Nasional (BN) kalah, namun perkara sebaliknya berlaku, begitu juga pada PRU-12 dan kedua-duanya ada kena mengena dengan hentaman terus menerus Dr Mahathir kepada Presiden UMNO.

"Saya merayu Dr Mahathir supaya terus memberi sokongan dan bantuan kepada Presiden UMNO dalam membina semula kekuatan anak Melayu kerana kami juga tidak rela parti ini hancur dengan permainan persepsi," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Dr Mahathir kelmarin melontarkan kritikan paling kerasnya terhadap Najib dengan mengatakan rakyat Malaysia sudah tidak lagi mempercayai



Chong Sin Woon

kepemimpinannya, selain meramalkan kejatuhan kerajaan BN dalam PRU-14 akan datang sekiranya Presiden UMNO itu terus berkuasa.

"Datuk Seri Najib sudah bersumpah menafikan pembabitannya dalam kes pembunuhan Altantuya dan sudah pun diputuskan mahkamah, begitu juga dalam kes Malaysia Development Berhad (IMDB), sudah dibuka kepada siasatan auditkatanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda MCA, Chong Sin Woon menepis dakwaan Dr Mahathir yang mendakwa Najib sudah kehilangan sokongan rakyat daripada pelbagai kaum.

Katanya, BN terbukti kembali mendapat sokongan rakyat pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang dan Teluk Intan, terutama daripada kaum Cina.